



KENYATAAN MEDIA KERAJAAN NEGERI PERLIS

ARAHAN-ARAHAN TERBAHARU KERAJAAN PERSEKUTUAN BERHUBUNG PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

1. Kerajaan Negeri Perlis secara prinsipnya bersetuju dengan keputusan Kerajaan Persekutuan yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 1 Mei 2020 mengenai tatacara kawalan serta pengoperasian sektor ekonomi melalui "***Standard Operating Procedure***" (***SOP***) yang dimuktamadkan oleh **Majlis Keselamatan Negara (MKN)** dan ia adalah selaras dengan **Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)**;
2. Bagi sektor awam yang akan mula beroperasi mulai 4 Mei 2020, tatacara kerja yang jelas tentang tanggungjawab Ketua Jabatan dan Penjawat Awam telah dinyatakan dalam Arahan Pembukaan Semula Premis Kerajaan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat bertarikh 3 Mei 2020 bagi memastikan kesinambungan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat tidak terjejas;
3. Kerajaan Negeri Perlis juga dari semasa ke semasa meneliti dengan lanjut melalui **Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (JKKN)** yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar mengenai langkah-langkah pelaksanaan PKPB bagi sektor ekonomi untuk memastikan tindakan sedia ada boleh ditambahbaik dan dipertingkatkan bersesuaian dengan keadaan negeri ini yang dikategorikan sebagai zon hijau;
4. **Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (JKKN)** yang akan diadakan pada **5 Mei 2020** akan meneliti dan membuat keputusan mengenai apa-apa penambahbaikan yang bersesuaian

terhadap langkah-langkah pelaksanaan PKPB yang telah diumumkan;

5. Langkah PKPB yang telah ditambahbaik akan dilaksanakan secara berperingkat berdasarkan kepada kemajuan perkembangan semasa Covid-19 di Negeri Perlis;
6. Kerajaan Negeri memandang serius atas usaha-usaha dalam mengekalkan negeri ini dalam zon hijau bagi kesejahteraan rakyat secara keseluruhan dan dalam masa yang sama, mengekalkan usaha mengekang penularan wabak Covid-19; dan
7. Semua kenyataan rasmi Kerajaan Negeri Perlis hanya dipaparkan di portal rasmi **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis** untuk rujukan awam (**www.perlis.gov.my**).

Sekian, terima kasih.

KERAJAAN NEGERI PERLIS

Kangar

3 Mei 2020